

Sifat Kesedaran Fonologi Dan Peranan Artikulasi Dalam Komunikasi Bahasa Melayu Pendidikan Awal Kanak-Kanak

Abu Bakar Mohd Sheikh, Said Darkasi
 Fakulti Pendidikan dan Sains Social, Universiti Selangor
 abu_sheik@unisel.edu.my
 saiddarkasi@unisel.edu.my

Abstrak: Sifat kesedaran fonologi dan peranan artikulasi dalam komunikasi bahasa Melayu pendidikan awal kanak-kanak merupakan fenomena sosial. Justeru, wujud masalah daripada segi variasi sifat kesedaran fonologi, hubungannya dengan faktor artikulasi, faktor jelas, konsisten, faktor bunyi artikulasi, dan faktor memahami bahasa arahan daripada segi kesedaran fonologi dalam kalangan murid yang belajar di tadika. Oleh itu, kajian ini untuk menghuraikan makna yang signifikan tentang keadaan sifat kesedaran fonologi dalam kalangan murid umur lima tahun hingga enam tahun. Daripada segi metodologi, ia menggunakan reka bentuk Kaedah Campuran melalui pendekatan berurutan, iaitu kajian kuantitatif dahulu kemudian baru diikuti oleh kajian kualitatif. Kajian ini menggunakan kaedah kajian fenomena, iaitu kajian bagi berikhtiar memahami erti kejadian dan perkaitan terhadap individu yang berada dalam situasi tertentu. Ia turut menggunakan jenis fenomena yang berikut, iaitu makna yang signifikan yang dihadapi ke atas murid. Kajian ini menggunakan teknik temu bual dan analisis dokumen. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa wujud hubungan yang signifikan positif rendah ($r = .18$) antara sifat kesedaran fonologi dengan peranan artikulasi atau sebutan yang betul dalam kalangan murid berumur lima tahun hingga enam tahun yang belajar di tadika. Ia juga mendapati bahawa daripada segi sifat kesedaran fonologi, murid melakukan dengan hampir-hampir betul tugas konsep perkataan pertuturan, tugas kesedaran struktur suku kata, tugas kesedaran rima, tugas penggantian fonem, dan tugas kesedaran fonemik. Ia turut menyarankan kajian lanjutan.

Kata kunci: Kesedaran fonologi, peranan artikulasi, fenomena makna, tugas perkataan

Abstract: The nature of phonological awareness and articulation of the role of communication in the Malay language early childhood education is a social phenomenon. There are, therefore, problems in terms of variations in the nature of phonological awareness, its relation to articulation factors, clarity, consistency, articulation sound factors, and language comprehension factors in terms of phonological awareness among students studying kindergarten. Therefore, this study describes the significance of phonological awareness among five- to six-year-olds. From a methodological point of view, it uses the Design of Mixed Methods through a sequential approach, which is a quantitative study first followed by a qualitative study. This study uses the phenomenon study method, which is the study to aim to understand the meaning of events and the relevance of individuals in certain situations. It also uses the following two types of phenomena, which are significant meanings faced by pupils and general conditions experienced by students. This study uses interview techniques and document analysis. The findings of this study indicate that there is a significant positive low correlation ($r = .18$) between phonological awareness and the role of articulation or pronunciation among students aged five to six years of study in kindergarten. It has also been found that in terms of phonological awareness, students perform almost exactly the task of conceptual speech words, syllable structure awareness tasks, rhyme awareness tasks, phonetic replacement tasks, and phonemic awareness tasks. It also suggests further studies.

Keywords: Phonological awareness, role of articulation, meaning phenomenon, word assignment

1. Pengenalan

Latar Belakang Kajian

Bidang kajian ini ialah bidang didikan atau latihan kepada kanak-kanak peringkat awal. Justeru, kajian ini memfokuskan pada kesedaran fonologi dan peranan artikulasi atau sebutan yang betul dalam kemahiran komunikasi bahasa Melayu.

Penyataan Masalah

Pemikiran dan bahasa adalah berkembang secara bebas bermula dengan dipengaruhi oleh sosial. Manakala bahasa ialah satu corak komunikasi, lisan, tulisan, dan isyarat yang berdasarkan sistem lambang. Komponen-komponen bahasa adalah fonologi, iaitu bahasa berdasarkan bunyi, morfem iaitu rantai bunyi yang lengkapkan perkataan, sintaksis iaitu perkataan disambung dijadikan ayat, semantik iaitu makna perkataan dan penggunaan, dan pragmatik iaitu perkataan digunakan semasa komunikasi. Daripada segi sosial, ia menjadi suatu fenomena. Secara realitinya, terdapat pelbagai variasi, hubungan, pengalaman individu, dan norma-norma kumpulan murid sewaktu penghasilan bunyi-bunyi pertuturan, iaitu bunyi vokal, bunyi konsonan, bunyi plosif, bunyi sengau, dan bunyi berdesir dalam kalangan murid tadika.

Oleh sebab kesedaran fonologi merupakan aspek bahasa yang penting dalam komunikasi bahasa Melayu, maka wujud masalah daripada segi variasi sifat kesedaran fonologi, hubungannya dengan faktor artikulasi atau sebutan yang betul (Phillips, Clancy-Menchetti, & Lonigan, 2008), faktor jelas, konsisten, dan tidak terkecuali bunyi artikulasi (Jordan, 2002), dan faktor memahami bahasa arahan daripada segi kesedaran fonologi dalam kalangan murid yang belajar di tadika, yang mendorong kepada penyelidik mengkajinya dalam kajian ini.

Matlamat Kajian

Penyelidikan fenomenon ini cuba menjawab soalan bagaimana makna yang signifikan tentang keadaan sifat kesedaran fonologi dalam kalangan murid yang belajar di tadika. Selain itu, kajian ini cuba menjawab apa hubungan antara sifat kesedaran fonologi dengan peranan artikulasi atau sebutan yang betul dalam kalangan murid tadika.

Objektif Kajian

Penyelidik melaksanakan penyelidikan berdasarkan objektif kajian untuk:

1. Mencari hubungan antara sifat kesedaran fonologi dengan peranan artikulasi atau sebutan yang betul dalam kalangan murid umur lima tahun hingga enam tahun yang belajar di tadika.
2. Menganalisis makna yang signifikan tentang keadaan sifat kesedaran fonologi dalam kalangan murid umur lima tahun hingga enam tahun yang belajar di tadika.

Soalan Kajian

Penyelidik melaksanakan penyelidikan bagi menjawab soalan kajian seperti yang berikut:

1. Apakah hubungan antara sifat kesedaran fonologi dengan peranan artikulasi atau sebutan yang betul dalam kalangan murid umur lima tahun hingga enam tahun yang belajar di tadika?
2. Bagaimanakah makna yang signifikan tentang keadaan sifat kesedaran fonologi dalam kalangan murid umur lima tahun hingga enam tahun yang belajar di tadika?

Signifikan Kajian

Kajian ini mempunyai kepentingan kajian daripada segi ilmu pengetahuan. Kajian ini penting kerana ia menyelesaikan masalah penguasaan lisan murid tadika. Selanjutnya, ia juga membantu membangunkan modul pembelajaran kemahiran mendengar dan kemahiran bertutur murid tadika. Juga, ia mengubah cara guru mengajar komunikasi bahasa Melayu peringkat tadika di Malaysia.

Had atau Batasan Kajian

Penyelidik membatasi skop penyelidikan kepada tempat kajian yang tertentu sahaja, iaitu di negeri Selangor Darul Ehsan dan subjek kajian yang tertentu sahaja, iaitu subjek yang memenuhi tiga kriteria, iaitu status sosioekonomi keluarga, pendidikan ibu, dan umur kanak-kanak. Tujuan batasan kajian adalah supaya kajian lebih terfokus, supaya memudahkan penyelidik meneliti, dan supaya tidak menimbulkan persoalan kepada pembaca. Kajian ini hanya difokuskan kepada masalah bagaimana sifat kesedaran fonologi dalam kalangan murid yang belajar di tadika. Kajian ini hanya difokuskan kepada masalah sifat kesedaran fonologi dan peranan artikulasi dalam kalangan murid yang belajar di tadika daripada pelbagai jenis sekolah bandar dan luar bandar negeri Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Definisi Istilah/Konsep

Kesedaran Fonologi. Menurut Goay Teck Chong, Choo Say Tee dan Zainuddin Ahmad (2006), fonologi ialah bahasa berdasarkan bunyi. Dalam pada itu, ciri-ciri kesedaran fonologi atau penghasilan bunyi-bunyi pertuturan ialah kemahiran menghasilkan bunyi vokal, bunyi konsonan, bunyi plosif, bunyi sengau, dan bunyi berdesir. Manakala menurut Yopp & Yopp (2009), kesedaran fonologi ialah sensitiviti kepada struktur bunyi bahasa. Ia menuntut kebolehan untuk mengubah perhatian seseorang kepada bunyi dalam bahasa lisan sementara itu beralih daripada maknanya.

Artikulasi. Dalam fonologi, artikulasi ialah pergerakan lidah, bibir, rahang, dan organ ucapan lain atau artikulasi dengan cara yang membuat bunyi ucapan (Ladefoged & Maddieson, 1996).

Definisi Operasional

Sifat Kesedaran Fonologi. Ia kesedaran individu mengenai struktur fonologi, atau struktur bunyi, atau kata-kata (Gillon, 2004). Dalam hal ini, Gibbs dan Bodman (2014) menyatakan bahawa kesedaran fonologi termasuk juga pengesanan dan manipulasi bunyi pada tiga tahap struktur bunyi, iaitu suku kata, rima, dan fonem. Dalam kajian ini, penyelidik akan menjelaskan makna yang signifikan tentang **sifat kesedaran fonologi** dalam kalangan murid yang belajar di tadika dengan merujuk pada tugas kesedaran fonologi (Gillon, 2004) seperti yang berikut:

1. Tugas Kesedaran Kemahiran Mendengar

- Kewaspadaan: Kesedaran dan menyetempatkan bunyi
- Diskriminasi: Mengenali bunyi yang sama dan bunyi yang berbeza
- Memori: Mengingati bunyi dan corak bunyi
- Menunjukkan: Kenal pasti urutan tentang apa yang telah didengar
- Bentuk: Mengasingkan satu bunyi daripada latar belakang bunyi lain
- Persepsi: Pengertian bunyi yang didengar

2. Tugas Kesedaran Struktur Suku Kata

- Segmen kata sepakat: Misalnya, "Berapakah suku kata (atau bahagian) dalam perkataan *kopi*?"
- Selesaikan kata sepakat: misalnya, "Ini gambar arnab, saya akan mengatakan bahagian pertama perkataan itu. Bolehkah anda menyelesaikan perkataan ar_ _ _?"
- Identiti suku kata: misalnya, "Bahagian mana yang lengkap dan membandingkan bunyi yang sama?"

3. Tugas Kesedaran Rima

- Pengucapan perkataan yang diucapkan: Misalnya, "Adakah kata-kata ini mempunyai rima: Ayu, bayu, kayu, layu, sayu?"
- Pengesanan rima ucapan atau tugas aneh: Misalnya, "Kata apa yang tidak mempunyai rima: mega, meja, menang, cangkuk?"


- Generasi rima yang disuarakan: Misalnya, "Beritahu saya kata-kata yang mempunyai rima sama dengan *baju*: memang, batu, bayu, media, meja, mengah, bahu?"

4. Tugas Kesedaran Fonemik

- Kesedaran pendahuluan (pengesanan kategori bunyi atau fonem): Misalnya, "Kata apa yang mempunyai bunyi pertama yang berbeza: patuk, cantik, panas, paras?"
- Padanan fonem: Misalnya, "Kata mana yang bermula dengan bunyi yang sama seperti buku: bulu, katil, cawan?"
- Pengasingan fonem: Misalnya, "Beritahu saya bunyi yang anda dengar pada awal perkataan "filem"
- Penyempurnaan fonem: Misalnya, "Berikut gambar tempat simpan kenderaan. Selesaikan perkataan untuk saya: ga _ _ _"

Peranan Artikulasi. Artikulasi boleh ditunjukkan dengan percitraan resonans magnetik untuk menunjukkan bagaimana lidah, bibir dan rahang bergerak dan kenaikan dan kejatuhan lelangit lembut. Pergerakan tersebut mengubah sifat-sifat resonans saluran suara, dan mengenakan "struktur bentuk masa yang berbeza-beza" ke isyarat pertuturan. Percitraan Resonans Magnetik (MRI) ialah teknik pengimejan perubatan yang digunakan dalam radiologi bagi membentuk gambar-gambar anatomi dan proses fisiologi badan dalam kesihatan dan penyakit. Bunyi dihasilkan hanya dengan mengeluarkan udara dari paru-paru. Walau bagaimanapun, untuk mengubah kualiti bunyi dengan cara yang berguna untuk bercakap, dua jenis organ pertuturan biasanya bergerak ke arah satu sama lain untuk saling menghubungi untuk membuat halangan yang membentuk udara dengan cara tertentu. Titik halangan maksimum dipanggil tempat artikulasi, dan cara bentuk dan pelepasan halangan ialah cara artikulasi. Sebagai contoh, ketika membuat bunyi "p", bibir bersatu rapat, menghalang udara sesaat dan menyebabkan penumpahan tekanan udara. Bibir kemudian melepaskan secara tiba-tiba, menyebabkan pecah bunyi. Tempat artikulasi bunyi ini disebut bilabial, dan cara itu disebut stop juga dikenal sebagai plosif (University of Southern California, 2013).

Suatu halangan perlu dibentuk apabila dua artikulator atau alat-alat sebutan itu bertemu. Secara amnya, satu jenis sedang bergerak (artikulator aktif), dan yang lain pegun (artikulator pasif). Akibatnya, apa yang biasanya disebut sebagai "tempat artikulasi" sebenarnya merupakan gabungan daripada artikulasi aktif dan tempat artikulasi pasif. Bunyi bahasa dikeluarkan oleh alat-alat sebutan yang berikut, iaitu bibir, gigi, gusi, lelangit keras, lelangit lembut, anak tekak, lidah, rongga tekak, rongga mulut, rongga hidung, paru-paru, peti suara, dan pita suara. Alat-alat sebutan terdiri daripada dua jenis, iaitu pengeluar (artikulator) berupa alat yang dapat digerakkan dengan bebas dan dapat diletakkan di beberapa kedudukan seperti hujung lidah, bibir, dan lelangit lembut. Selain itu, daerah pengeluar (artikulasi) merupakan tempat-tempat yang dapat dicapai oleh artikulator seperti gigi atas, gusi, dan lelangit keras (Titze, 2008). Hal ini seperti dalam Rajah 1.



Rajah 1: Tempat-tempat artikulasi (pasif & aktif) - 1. exolabial, 2. endo-bibir, 3. gigi, 4. gusi, 5. post gusi, 6. pra lelangit, 7. palatal, 8. velar, 9. uvular, 10. pharyngeal, 11. glottal, 12. epiglottis, 13. radical, 14. postero-dorsal, 15. antero-dorsal, 16. laminal, 17. apical, 18. sub hujung lidah (Titze, 2008).

Dalam kajian ini, penyelidik akan menghuraikan keadaan umum tentang peranan artikulasi atau sebutan yang betul supaya bunyi boleh dinamakan secara tepat dalam kalangan murid yang belajar di tadika. Penyelidik memberi fokus pada peranan untuk membangunkan artikulasi atau sebutan atau bercakap mengikut kriteria (Rakhee, 2015) seperti yang berikut:

- Perhatian dan tumpuan: Usaha yang berterusan, mendengar, dan melakukan aktiviti tanpa gangguan.
- Pendengaran: Untuk mengesan bunyi pertuturan.
- Bunyi-bunyi ucapan: Mengenal pasti dan mendengar perbezaan antara bunyi.
- Memahami: Bahawa bunyi menyampaikan makna.

Prosedur menilai atau menguji sistem bunyi ucapan kanak-kanak, termasuklah (Bauman-Waengler, 2012):

- Bunyi, gabungan suara, dan bentuk suku kata yang betul, termasuk Bunyi dalam pelbagai kata kedudukan (Contoh: awal, dalam perkataan, dan kedudukan akhir) dan dalam pelbagai konteks fonetik.

- Urutan Fonem (contohnya, gabungan vokal, kluster konsonan, dan campuran), atau suku kata (Contoh: KV mudah untuk kompleks KKVKK);

- Kesalahan ucapan, termasuk atau jenis ralat (Contoh: penghapusan, peninggalan, penggantian, gangguan, penambahan) atau pendedaran ralat (sebagai contoh, kedudukan bunyi dalam satu perkataan), Kesalahan artikulasi - ralat yang agak konsisten, dengan kontras fonem diselenggarakan (Contoh: / L / dan / r secara konsisten) tetapi jelas berbeza dari satu sama lain;

- Kesilapan corak (iaitu corak fonologi) - perubahan bunyi sistematik atau sederhana yang mempengaruhi bunyi kelas (Contoh: Frikatif), urutan bunyi (contohnya, konsonan berkelompok), atau struktur suku kata (contohnya, struktur perkataan kompleks atau perkataan banyak suku kata.

Murid Tadika. Dalam kajian ini, penyelidik mengkaji murid yang berumur 5 - 6 tahun, lelaki dan perempuan, pelbagai ras dan kaum dan sedang belajar di tadika kerajaan dan tadika swasta di negeri Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

2. Sorotan Literatur

Sorotan Literatur Penyelidikan Yang Lepas

Fonologi merupakan cabang ilmu bahasa (Nik Safiah Karim dan Wan Malini Ahmad, 2006). Goay Teck Chong, Choo Say Tee dan Zainuddin Ahmad (2006) menyatakan bahawa fonologi ialah cabang ilmu bahasa yang mengkaji bunyi-bunyi yang berfungsi dalam sesuatu bahasa, iaitu bunyi yang digunakan dalam komunikasi. Manakala kesedaran fonologi ialah sensitiviti kepada struktur bunyi bahasa. Ia menuntut keupayaan untuk mengubah perhatian seseorang kepada bunyi dalam bahasa lisan sementara itu beralih daripada maknanya (Yopp & Yopp, 2009).

Pada hakikatnya, penguasaan bahasa kanak-kanak lima tahun lebih tinggi daripada kanak-kanak berumur empat dan tiga tahun yang dipengaruhi oleh ketidakseimbangan penyusunan bahagian-bahagian linguistik semasa proses pengajaran dan pembelajaran bahasa (Anida Sarudin, Dahlia Janan, Zulkifli Osman, Ahmad Khair Mohd Noor, 2016).

Selain itu, daripada segi kesedaran fonologi di bilik darjah tadika, guru-guru tadika mempunyai persepsi mengenai kepentingan dan penggunaan arahan kesedaran fonologi. Manakala guru-guru tadika menganggap bahawa kesedaran fonologi adalah ketara berhubung dengan menjadi kemahiran membaca yang diajarkan di tadika, strategi pencegahan untuk membaca pemerolehan, dan mempunyai peranan dalam arahan bukan formal yang bersifat tidak formal (Margaret, 2010).

Selanjutnya, Linda, Franz, dan Dorothee (2013) mengatakan bahawa latar belakang penghijrahan, umur kanak-kanak, kecerdasan kanak-kanak, ibu yang merokok semasa kehamilan, kesukaran bahasa, iaitu kecacatan ungkapan perkataan, defisit tatabahasa, dan gagap, dan menonton televisyen ialah pengaruh terhadap kesedaran fonologi.

Juga, Chew Fong Peng (2016) mengatakan bahawa murid Cina di sekolah rendah mempunyai masalah pembelajaran bahasa Melayu. Mereka kerap melakukan kesalahan sebutan fonem ('m', 'n', 'l', dan 'r') dan konsonan bergabung ('sy', 'ny' dan 'ng').

Dalam pada itu, kesedaran fonologi meliputi juga kemahiran menyebut huruf konsonan Arab dalam kalangan murid tadika yang bertujuan untuk menilai sebutan konsonan dalam kalangan murid tadika. Sebanyak lima belas konsonan berada pada tahap fasih, dua belas konsonan berada pada tahap sederhana fasih, dan satu konsonan berada pada tahap tidak fasih. Oleh itu, huruf-huruf yang berada pada tahap sederhana fasih dan tidak fasih perlu diberi penekanan dalam latihan sebutan konsonan Arab (Nik Mohd Rahimi, Harun Baharudin & Zamri Mahamod, 2010).

Kemudian, Brooke Elizabeth Wagner (2016) mengkaji nilai prediktif langkah-langkah berasaskan kurikulum kesedaran fonemik pada kefasihan membaca murid tadika. Kajian ini memberi mensintesis pentingnya prinsip abjad membaca, membina pengajaran bacaan, petunjuk kejayaan membaca awal, dan langkah-langkah berasaskan kurikulum. Ia mencari korelasi antara penamaan huruf, bunyi sebutan, segmen fonemik, dan bacaan fasih murid tadika. Keputusan ujian korelasi menunjukkan korelasi antara bacaan perkataan musim sejuk dan kebolehan membaca perkataan musim bunga di tadika adalah $r = .82$, bacaan perkataan musim bunga dan bunyi sebutan ialah $r = .57$, bacaan perkataan musim bunga dan sebutan musim sejuk adalah $r = .66$, dan bacaan perkataan musim bunga dan bunyi sebutan musim bunga adalah $r = .58$. Keputusan ini memberi implikasi praktikal untuk mencadangkan cara di mana tadika berfikir tentang kakitangan, arahan, dan jadual untuk memenuhi keperluan murid dengan lebih baik.

Kerangka Konseptual Kajian

Dalam kajian ini, pemboleh ubah tidak bersandar ialah faktor artikulasi atau sebutan yang betul, faktor jelas, konsisten, dan tidak terkecuali bunyi artikulasi, dan faktor memahami bahasa arahan dalam kalangan murid yang belajar di tadika.

Kajian ini juga mempunyai pemboleh ubah bersandar, iaitu kesedaran fonologi, berupa sensitiviti kepada struktur bunyi bahasa. Ia menuntut keupayaan untuk mengubah perhatian seseorang kepada bunyi dalam bahasa lisan sementara itu beralih daripada maknanya (Yopp & Yopp, 2009). Dalam hal ini, bunyi bahasa ialah penghasilan bunyi-bunyi pertuturan, iaitu bunyi vokal, bunyi konsonan, bunyi plosif, bunyi sengau, dan bunyi berdesir bahasa Melayu dalam kalangan murid yang belajar di tadika. Dalam hal ini, pemboleh ubah tidak bersandar ini mempunyai perkaitan dengan pemboleh ubah bersandar.

3. Metodologi

Reka Bentuk Penyelidikan

Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan Kaedah Campuran, iaitu penyelidik akan menggunakan pendekatan berurutan, iaitu kajian kuantitatif dahulu kemudian baru diikuti oleh kajian kualitatif. Data kuantitatif digunakan untuk mengesan hubungan antara sifat kesedaran fonologi dengan peranan artikulasi dalam kalangan murid tadika.

Penyelidik menggunakan satu jenis instrumen kajian bagi mengumpul data kuantitatif kajian ini. Penyelidik menggunakan Ujian Pencapaian untuk mengukur sifat kesedaran fonologi dan peranan artikulasi dalam kalangan pelbagai ras murid tadika. Penyelidik menggunakan analisis statistik inferens iaitu pekali Korelasi Pearson untuk mengenal pasti hubungan antara sifat kesedaran fonologi dengan peranan artikulasi dalam kalangan murid tadika.

Kemudian, penyelidik menggunakan satu jenis alat ukuran bagi mengumpul data kualitatif kajian ini. Penyelidik menggunakan Senarai Pemerhatian Bebas untuk mencari makna yang signifikan tentang sifat kesedaran fonologi dalam kalangan murid tadika.

Analisis Data Kuantitatif

Penyelidik menggunakan Ujian Pencapaian untuk mengukur sifat kesedaran fonologi dan peranan artikulasi dalam kalangan murid tadika. Penyelidik mengumpul skor dalam Ujian Pencapaian yang mempunyai sebanyak 20 soalan dengan menggunakan skema pemarkahan seperti yang berikut, iaitu Sangat Betul = 5 markah, Hampir Betul = 3 markah, dan Hampir-hampir Betul = 1 markah.

Penyelidik menggunakan analisis statistik inferens iaitu pekali Korelasi Pearson untuk mengenal pasti hubungan antara sifat kesedaran fonologi dengan peranan artikulasi dalam kalangan murid tadika. Penyelidik menggunakan indeks pekali korelasi oleh Borg, Gall, dan Gall (1983), seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1: Pekali Korelasi

Indeks	Keterangan
0.7 atau lebih	Sangat kuat
0.5 hingga 0.69	Kuat
0.30 hingga 0.49	Sederhana
0.10 hingga 0.29	Rendah
0.01 hingga 0.09	Diabaikan

(Borg, Gall, dan Gall, 1983)

Kaedah Kajian Kualitatif

Bagi kajian kualitatif, penyelidik menggunakan kaedah fenomena. Menurut Moleong (2001), penyelidik dalam pandangan fenomenon berusaha memahami erti peristiwa dan kaitan-kaitannya terhadap orang-orang yang berada dalam situasi-situasi tertentu. Penyelidik menggunakan jenis fenomena yang berikut, iaitu makna yang signifikan yang dihadapi ke atas murid (Gibbs, 2006).

Teknik Kajian Kualitatif

Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan teknik kajian melalui pencerapan atau pemerhatian. Hal ini kerana Creswell (2009) menyatakan bahawa teknik kajian ini adakah teknik yang popular dalam kalangan penyelidik.

Kesahan Kajian

Bagi mengatasi isu berkaitan kesahan kajian ini, penyelidik menggunakan teknik triangulasi. Dalam hal ini, teknik triangulasi yang dipilih dalam kajian ini ialah triangulasi data iaitu mengumpul data mengguna lebih dari satu teknik. Oleh itu, kajian ini memilih kombinasi data daripada temu bual dan pencerapan atau pemerhatian bagi mengukuh kajian (Creswell, 2009). Justeru, kombinasi teknik ini dapat memberi gambaran yang jelas isu berkaitan sifat dan peranan kesedaran fonologi dalam kalangan murid yang belajar di tadika.

Populasi Kajian

Populasi sasaran ialah semua murid yang berumur 5 - 6 tahun, lelaki dan perempuan, pelbagai ras dan kaum dan sedang belajar di tadika kerajaan dan tadika swasta di Malaysia. Populasi kajian ini ialah semua murid yang berumur 5 - 6 tahun, lelaki dan perempuan, pelbagai ras dan kaum dan sedang belajar di tadika kerajaan dan tadika swasta di Daerah Kuala Selangor, Daerah Sabak Bernam, dan Daerah Tanjong Karang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia. Dalam kajian ini, anggaran bilangan populasi ialah 10,000 orang murid.

Pensampelan

Penyelidik menggunakan teknik pensampelan kuota. Jadi, penyelidik menggunakan 400 orang kanak-kanak yang menepati ciri-ciri demografi sebagai peserta kajian. Manakala ciri-ciri demografi itu ialah jenis sekolah dan lokasi sekolah. Dalam hal ini, penyelidik memilih kriteria ini bagi membenarkan penyelidik memberi tumpuan kepada peserta kajian yang penyelidik fikir kemungkinan besar akan mengalami, mengetahui, dan mempunyai pandangan mengenai tajuk penyelidikan. Kemudian, penyelidik masuk ke dalam komuniti dan menggunakan strategi perekrutan sesuai dengan lokasi, budaya, dan populasi kajian, untuk mencari peserta kajian yang memenuhi kriteria ini, sehingga penyelidik memenuhi kuota yang ditetapkan.

Pengumpulan Data

Penyelidik menanyakan soalan-soalan yang sangat terbuka kepada 30 orang murid tadika yang mewakili populasi. Dalam hal ini, instrumen atau alat pengumpulan data yang digunakan ialah wawancara atau ucapan, lukisan atau bukan lisan, dan pemerhatian atau visual dan rakaman. Dalam kajian ini, penyelidik cuba menghuraikan makna yang signifikan tentang keadaan sifat kesedaran fonologi dalam kalangan murid umur lima tahun hingga enam tahun yang belajar di tadika. Ia merujuk pada ciri-ciri kesedaran fonologi atau penghasilan bunyi-bunyi pertuturan ialah kemahiran menghasilkan bunyi vokal, bunyi konsonan, bunyi plosif, bunyi sengau, dan bunyi berdesir. Kesedaran fonologi ialah sensitiviti kepada struktur bunyi bahasa. Ia menuntut kebolehan untuk mengubah perhatian seseorang kepada bunyi dalam bahasa lisan sementara itu beralih daripada maknanya. Dalam kajian ini, penyelidik membuat pengesanan dan manipulasi bunyi pada tiga tahap struktur bunyi, iaitu suku kata, rima, dan fonem. Penyelidik mendokumentasikan, menyelaraskan, dan menguji definisi operasional.

Analisis Data Kualitatif

Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan instrumen seperti temu bual dan pemerhatian untuk mendapatkan data. Menurut Bryman (2008), kajian kualitatif ialah kaedah kajian yang lazimnya menekankan kepada perkataan berbanding pengiraan data yang dikumpulkan dan dianalisis. Prosesnya bermula dengan mengemukakan persoalan kajian yang umum, diikuti dengan pemilihan subjek atau topik yang berkaitan. Kemudian, proses pengumpulan data yang berkaitan dengan topik. Seterusnya, hasil interpretasi data, teori atau konsep sedia ada atau baharu dapat ditentukan. Kemudian, proses ini berulang bagi memperkemas persoalan kajian supaya persoalan yang jelas dan tepat dapat ditentukan. Bagi tujuan menjawab persoalan yang telah diperkemas, pengumpulan data lanjutan perlu dilakukan. Setelah teori atau konsep dapat ditentukan dengan kukuh, proses seterusnya iaitu penulisan penemuan atau kesimpulan yang diperoleh.

Rancangan Untuk Mentafsirkan Keputusan Kajian

Penyelidik menguji kesahan kajian dengan menggunakan empat kaedah yang berikut, iaitu (1) triangulasi, (2) pengesahan responden kajian, (3) refleksi, dan (4) perhatian terhadap kes negatif.

Triangulasi. Triangulasi data melibatkan penggunaan sumber data berganda dalam kajian ini untuk mendapatkan pandangan yang berbeza untuk membantu mengesahkan kesimpulan - ini termasuk triangulasi masa, triangulasi ruang, dan, triangulasi orang. Penyiasatan triangulasi merujuk kepada penggunaan dua atau lebih penyelidik terlatih untuk menganalisis dan mentafsir satu set data. Teori triangulasi merujuk kepada penggunaan teori bersaing atau hipotesis dalam analisis dan tafsiran satu set data. Kaedah triangulasi melibatkan penggunaan pelbagai kaedah dalam mengumpul data mengenai fenomena yang sama. Triangulasi boleh melibatkan penggunaan: alat pengumpulan data yang berbeza dengan sampel peserta yang sama; metodologi kualitatif yang berbeza untuk menjawab soalan penyelidikan yang sama; gabungan metodologi penyelidikan kuantitatif dan kualitatif untuk menjawab soalan penyelidikan yang sama; alat pengumpulan data yang sama dengan sampel yang berbeza.

Pengesahan Responden. Hal ini berlaku dalam tempoh pengumpulan data apabila maklum balas diperoleh daripada peserta tentang ketepatan data. dan juga tafsiran penyelidik terhadap data tersebut.

Maklum Balas. Ia berlaku selepas selesai projek penyelidikan mengenai tafsiran semua data yang telah diperoleh dan ditafsirkan dapat memberikan satu lagi jenis pengesahan.

Kes Negatif. Dalam jenis pengesahan ini, penyelidik mencari bukti negatif yang mungkin dapat mengesahkan kesimpulannya. Penyelidik akan kembali melalui semua data mencari bukti ini. Sekiranya tiada bukti negatif yang ditemui, maka penyelidik dapat mempunyai keyakinan dalam kesahihan penyelidikan, walaupun pengesahan bebas data oleh penyelidik kualitatif bebas, iaitu bebas daripada kajian masih wajar, jika tidak penting.

Jadual Kerja dan Jangka Masa Kajian

Penggunaan Carta Gantt dijadikan panduan dalam menyediakan jadual kerja bagi merangka jadual kerja penyelidik dengan kaedah yang sesuai sebagai panduan dalam menyediakan jadual kerja. Jadual yang disediakan merupakan dalam bentuk jadual kerja dengan menganggarkan peruntukkan masa bagi setiap aktiviti. Anggaran tempoh masa enam bulan adalah diperuntukkan bagi aktiviti kajian yang merupakan bentuk jangka masa pendek. Jadual 2 yang berikut ini menunjukkan proses penjadualan kerja serta anggaran tempoh masa kajian.

Jadual 2: Jadual Menunjukkan Proses Kerja dan Anggaran Tempoh Masa Kajian

		2019							
Bil	CADANGAN PERANCANGAN KAJIAN	FEBRUARI	MAC	APRIL	MEI	JUN	JULAI	OGOS	SEPTEMBER
2.	Memulakan penulisan bab pertama	/							
3.	Memulakan penulisan bab kedua	/							
4.	Memulakan penulisan bab ketiga	/							
5.	Memohon Kebenaran Menjalankan Kajian	/							
6.	Melaksanakan tinjauan kajian rintis		/						
7.	Proses mengutip data kajian			/	/	/	/		
8.	Memulakan penulisan bab 4							/	
9.	Memulakan penulisan bab 5							/	
10.	Menulis bab 5							/	
11.	Menulis pelaporan penyelidikan								/
12.	Menjilid pelaporan penyelidikan								/

4. Dapatan Kajian

Dapatan Soalan Kajian 1: Apakah wujud hubungan yang signifikan antara sifat kesedaran fonologi dengan peranan artikulasi atau sebutan yang betul dalam kalangan murid berumur lima tahun hingga enam tahun yang belajar di tadika? Dalam hal ini, penyelidik menggunakan analisis statistik inferens korelasi Pearson seperti dalam Jadual 3.

Jadual 3: Hubungan antara Sifat Kesedaran Fonologi dengan Peranan Artikulasi

		Kesedaran Fonologi	Peranan Artikulasi
Kesedaran Fonologi	Korelasi Pearson	1	.180**
	Sig. (2-hujung)		.000
	N	386	386
Peranan Artikulasi	Korelasi Pearson	.180**	1

Sig. (2-hujung)	.000	
N	386	386

**Korelasi ialah signifikan pada aras 0.01 (2-hujung)

Berdasarkan Jadual 1, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa wujud hubungan yang signifikan positif rendah ($r = .18$) antara sifat kesedaran fonologi dengan peranan artikulasi atau sebutan yang betul dalam kalangan murid berumur lima tahun hingga enam tahun yang belajar di tadika (Borg, Gall, dan Gall, 1983).

Dapatan Soalan Kajian 2: Bagaimanakah makna yang signifikan tentang keadaan sifat kesedaran fonologi dalam kalangan murid umur lima tahun hingga enam tahun yang belajar di tadika? Dalam hal ini, penyelidik menggunakan enam langkah yang berikut, iaitu:

Langkah 1: Penyelidik menetapkan perkataan atau frasa pendek yang akan dijadikan kod yang berkaitan maklumat yang dikehendaki sebagai eviden, sama ada untuk tujuan tinjauan awal atau untuk dijadikan bukti dapatan yang berikut ini dengan tiada hierarki keutamaan. Perkataan atau frasa itu adalah: Perkataan, suku kata, rima, fonem, fonemik

Langkah 2: Penyelidik mendapatkan jawapan murid dan mencatatkan seperti mana mereka menjawab.

Soalan 1	Bolehkan anda mengulangi ayat dengan betul?
Responden A (RA)	hampir-hampir betul - Saya mempunyai dua ekor haiwan kesayangan.
Responden B (RB)	hampir betul - Johan berlari pulang; Saya mempunyai dua ekor haiwan kesayangan; Adakah anda makan tengah hari?
Responden C (RC)	hampir betul - Saya mempunyai dua ekor haiwan kesayangan.
Responden D (RD)	hampir-hampir betul - Johan berlari pulang; Saya mempunyai dua ekor haiwan kesayangan; Adakah anda makan tengah hari? Semalam hujan.
Responden E (RE)	hampir betul - Johan berlari pulang; Saya mempunyai dua ekor haiwan kesayangan; Semalam hujan.

Soalan 2	Bolehkah anda mencantumkan bahagian-bahagian suku kata ini dan menyebut keseluruhan perkataan dengan berhenti antara suku kata: lu-ar (luar), ro-bot (robot) dengan betul?
Responden A (RA)	Hampir-hampir betul - arnab
Responden B (RB)	Hampir-hampir betul - arnab, pensel
Responden C (RC)	Hampir-hampir betul - kopi, arnab
Responden D (RD)	Hampir-hampir betul - arnab, jagung
Responden E (RE)	Hampir-hampir betul - arnab, pensel, jagung

Soalan 3	Bolehkah anda mengenal pasti dan menyebut dua perkataan yang berbunyi sama pada akhir, seperti raya dan kaya dengan betul?
-----------------	---

Responden A (RA)	hampir-hampir betul - beku
Responden B (RB)	hampir-hampir betul - mega, memang, beku
Responden C (RC)	hampir-hampir betul - mega, beku
Responden D (RD)	hampir-hampir betul - mega
Responden E (RE)	hampir-hampir betul - ayu, mega, memang, beku
Responden F (RF)	hampir betul - ayu
Responden G (RG)	hampir-hampir betul - mega, beku
Responden H (RH)	hampir betul - memang
Responden I (RI)	hampir betul - mega, memang
Responden J (RJ)	hampir-hampir betul - mega, memang, beku
Responden K (RK)	hampir-hampir betul - beku

Soalan 4 **Bolehkah anda menanggalkan bunyi pertama perkataan dan menggantinya dengan bunyi lain? Sebagai contoh, jika anda menggantikan bunyi pertama dalam kayu dengan / b /, perkataan baharu adalah bayu dengan betul?**

Responden A (RA)	hampir-hampir betul -sayu, warung, tenang, nota
Responden B (RB)	hampir betul -sayu, warung, tenang, nota
Responden C (RC)	hampir-hampir betul - warung, tenang, nota
Responden D (RD)	hampir

Soalan 5 **Bolehkah anda mengenal pasti dan menyebut dua perkataan yang berbunyi sama pada awal, seperti batu dan baju dengan betul?**

Responden A (RA)	hampir-hampir betul - garaj
Responden B (RB)	hampir-hampir betul - patuk, filem, garaj
Responden C (RC)	hampir-hampir betul - filem, garaj
Responden D (RD)	hampir-hampir betul - garaj
Responden E (RE)	hampir betul - patuk, buku, garaj

Responden F (RF)	hampir-hampir betul - buku
Responden G (RG)	hampir betul - bulu
Responden H (RH)	hampir-hampir betul - filem
Responden I (RI)	hampir-hampir betul - patuk, filem

Langkah 3: Penyelidik menandakan perkataan, frasa atau ayat yang menggambarkan maklumat atau data yang dikehendaki. Penyelidik menggunakan warna atau *highlighter* yang berlainan dan mulakan dengan proses mengekod menggunakan kod-kod yang telah disediakan lebih awal pada ruang kanan jawapan.

Maklumat / Data	Kod / Tema
hampir-hampir betul - Johan berlari pulang; Saya mempunyai dua ekor haiwan kesayangan; Adakah anda makan tengah hari ? Semalam hujan .	perkataan
Hampir-hampir betul - arnab Hampir-hampir betul - arnab, pensel Hampir-hampir betul - kopi , arnab Hampir-hampir betul - arnab, jagung Hampir-hampir betul - arnab, pensel, jagung	Suku kata
hampir-hampir betul - beku hampir-hampir betul - mega, memang, beku hampir-hampir betul - mega, beku hampir-hampir betul - mega hampir-hampir betul - ayu, mega, memang, beku hampir betul - ayu hampir-hampir betul - mega, beku hampir betul - memang hampir betul - mega, memang hampir-hampir betul - mega, memang, beku hampir-hampir betul - beku	Rima
	bersambung
hampir-hampir betul -sayu, warung , tenang, nota hampir betul -sayu, warung, tenang, nota hampir-hampir betul - warung, tenang , nota hampir betul -sayu	Fonem
hampir-hampir betul - garaj hampir-hampir betul - patuk, filem , garaj hampir-hampir betul - filem, garaj hampir-hampir betul - garaj hampir betul - patuk, buku, garaj hampir-hampir betul - buku hampir betul - bulu hampir-hampir betul - filem hampir-hampir betul - patuk, filem	Fonemik

Langkah 4: Penyelidik menyusun data agar mudah untuk dilihat (*data display*) dengan menggunakan peta minda.

Paparan data untuk soalan kajian 2:



5. Kesimpulan, Perbincangan, Dan Implikasi

Ringkasan Dapatan Kajian

Kajian ini mendapati bahawa wujud hubungan yang signifikan positif rendah antara sifat kesedaran fonologi dengan peranan artikulasi atau sebutan yang betul dalam kalangan murid berumur lima tahun hingga enam tahun yang belajar di tadika. Hal ini bermaksud, oleh sifat kesedaran fonologi dalam kalangan murid berumur lima tahun hingga enam tahun berada pada tahap rendah, maka peranan artikulasi atau sebutan yang betul juga berada pada tahap rendah.

Selain itu, kajian ini menghuraikan bagaimana makna yang signifikan tentang keadaan sifat kesedaran fonologi dalam kalangan murid umur lima tahun hingga enam tahun yang belajar di tadika. Kajian ini mendapati bahawa murid hampir-hampir betul dalam menghasilkan bunyi vokal, bunyi konsonan, bunyi plosif, bunyi sengau, dan bunyi berdesir. Dalam kajian ini, penyelidik mendapati bahawa murid hampir-hampir betul menyebut tiga struktur bunyi, iaitu suku kata, rima, dan fonem.

Kesimpulan dan Perbincangan

Dapatan ini selaras dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh Chew Fong Peng (2016) mengatakan bahawa murid mempunyai masalah pembelajaran bahasa Melayu. Mereka kerap melakukan kesalahan sebutan fonem ('m', 'n', 'l', dan 'r') dan konsonan bergabung ('sy', 'ny' dan 'ng'). Anida Sarudin, Dahlia Janan, Zulkifli Osman, dan Ahmad Khair Mohd Noor (2016) pula pernah menegaskan bahawa ketidakseimbangan penyusunan bahagian-bahagian linguistik semasa proses pengajaran dan pembelajaran mempengaruhi penguasaan bahasa dalam kalangan murid tadika.

Dalam pada itu, Linda, Franz, dan Dorothee (2013) mengatakan bahawa umur kanak-kanak, kecerdasan kanak-kanak, kesukaran bahasa, iaitu kecacatan ungkapan perkataan, defisit tatabahasa, dan gagap boleh mempengaruhi murid terhadap kesedaran fonologi.

Dapatan ini selaras dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh Brooke Elizabeth Wagner (2016) yang mendapati bahawa betapa pentingnya prinsip abjad membaca, membina pengajaran bacaan, petunjuk kejayaan membaca awal, dan langkah-langkah berasaskan kurikulum. Ia mencari korelasi antara penamaan huruf, bunyi sebutan, segmen fonemik, dan bacaan fasih murid tadika. Keputusan ujian korelasi menunjukkan bahawa wujud korelasi yang sederhana tinggi antara bacaan perkataan musim sejuk dan kebolehan membaca musim bunga dalam kalangan murid tadika.

Implikasi dan Cadangan

Dalam kajian, penyelidik dapat menemui teori baharu dan pengetahuan baharu dalam pendidikan tadika. Selain itu, penyelidik dapat menghasilkan sebuah penerbitan penyelidikan untuk jurnal. Juga, penyelidik menghasilkan satu aplikasi khusus atau berpotensi untuk model pembelajaran tadika. Akhir sekali, penyelidik mencadangkan kajian lanjutan yang meliputi sampel yang menyeluruh agar ia dapat memberi impak ke atas masyarakat untuk meningkatkan kemahiran fonologi dalam kalangan pelajar tadika di Malaysia.

6. Rujukan

- Abd. Razak Abd. Karim dan Muhammad Saiful Haq Hussin. (2011). Tahap penguasaan bahasa Melayu pelajar di Islamic Santitham Foundation School. *Jurnal Pengajian Melayu*, Jilid 22, 18-22.
- Anida Sarudin, Dahlia Janan, Zulkifli Osman, Ahmad Khair Mohd Noor. (2016). Penguasaan bahasa Melayu kanak-kanak tadika berdasarkan inventori penilaian kesedaran terancang. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*. Diperoleh semula daripada <http://ijleal.ump.edu.my/>
- Bauman-Waengler, J. A. (2012). *Articulatory and phonological impairments*. New York, NY: Pearson Higher Education
- Brooke Elizabeth Wagner. (2016). *The predictive value of phonemic awareness curriculum-based measures on kindergarten word reading fluency* (Disertasi Kedoktoran). University of Oregon, USA.
- Bryman. (2008). *Social research methods*. USA: Oxford University Press.
- Chew Fong Peng. (2016). Masalah pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan murid Cina sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6, (2), 22-26 .
- Creswell. (2009). *Research design qualitative, quantitative, and mixed methods approaches*. USA: Sage Publications.

- Goay Teck Chong, Choo Say Tee & Zainuddin Ahmad. (2006). *Fonologi bahasa Melayu kertas 1*. Ipoh: Pearson Malaysia Sdn. Bhd.
- Linda, P. F., Franz, P. & Dorothee, M. (2013). Kesedaran fonologi: Faktor pengaruh. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan Awal Kanak-Kanak Eropah*, Vol. 21, 1, 11-18.
- Margaret, D. (2010). *Phonological awareness in the kindergarten classroom: How do teachers perceive this essential link from oral communication to reading skill development*. (Dissertation for the Degree Doctor of Education, *Liberty University*). Diperoleh semula daripada <http://digitalcommons.liberty.edu/doctoral/316/>
- Moleong. (2001). *Metodologi penelitian kualitatif*. Bandung: Remaja Rosdakarya.
- Nik Mohd Rahimi, Harun Baharudin & Zamri Mahamod. (2010). Tahap sebutan huruf konsonan Arab dalam kalangan murid tadika. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 35, (1), 41-46.
- Nik Safiah Karim & Wan Malini Ahmad. (2006). *Fonologi bahasa Melayu STPM*. Ipoh: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Sharipah Amalhayaty Syed Ahmad. (2015). *Penggunaan Kaedah Fonik Dalam Pengajaran Kemahiran Bacaan Awal Kanak-kanak Tadika*. (Disertasi Ijazah Sarjana Pendidikan, Pendidikan Awal Kanak-kanak). Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim.
- Trochim. (2006, Mei 7). Research methods knowledge base the qualitative debate, qualitative validity. Diperoleh semula daripada <https://appliedinduction.wordpress.com/page/7/>
- Yopp, H.K., & Yopp, R.H. (2009). Phonological awareness is child's play. *Young Children*, 64 (1), 12-21.
- Gillon, G. (2004). *Phonological awareness: From research to practice*. New York: Guilford Press.
- Gibbs, Simon & Bodman, Sue. (2014). PhAB2. GL Assessments. University of Southern California. Human articulators in action. Video from the Speech Production and Knowledge Group website. Retrieved on 2013-01-01.
- Titze, I. R. (2008). "The Human Instrument". *Scientific American*. **298** (298): 94–101. doi:10.1038/scientificamerican0108-94.
- Indirawati Zahid dan Mardian Shah Omar. (2006). *Fonetik dan fonologi*. Batu Caves: PTS Professional.
- Rakhee M. (2015, July, 30) . Ten articulation activities for toddlers. Diperoleh semula daripada https://www.momjunction.com/articles/articulation-activities-for-toddlers_00357678/